

PEMERKASAAN PENDEKATAN PENGURUSAN SASTERA DALAM KRITIKAN SASTERA MELAYU DI MALAYSIA

Empowering The Literary Management Approach in Malay Literary Criticism in Malaysia

Azhar Wahid^{1*} & Fathin Noor Ain Ramli²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

^{1*}azhar@fbk.upsi.edu.my; ²fathin.noor@uum.edu.my

Diterima: 19 April 2025; **Disemak semula:** 15 Mei 2025 **Diterima:** 25 Mei 2025; Diterbitkan: 10 Jun 2025

To cite this article (APA): Wahid, A., & Ramli, F. N. A. (2025). Pemeraksanaan Pendekatan Pengurusan Sastera dalam Kritikan Sastera Melayu di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 30-41. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.3.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.3.2025>

ABSTRAK

Pendekatan pengurusan merupakan satu inovasi dalam wacana kritikan sastera Melayu yang masih baharu dan belum diterokai secara meluas oleh para pengkritik sastera tempatan. Melalui penerapan prinsip-prinsip ini, pengurusan sastera dilihat bukan sekadar satu pendekatan teknikal, tetapi turut membawa nilai tambah terhadap keupayaan pengkritik dalam menghasilkan penilaian yang lebih objektif, sistematik dan berlandaskan konsep organisasi yang tersusun. Kertas kerja ini menumpukan perhatian kepada aspek pengorganisasian sebagai salah satu prinsip penting, dengan menjadikan novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad sebagai kes kajian utama. Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang menfokuskan kepada kajian teks dan kajian kepustakaan. Prinsip pengurusan kedua iaitu prinsip pengorganisasian telah diaplikasikan bagi melihat meneliti keberkesanan prinsip pengorganisasian dalam mencorak tindakan kolektif masyarakat kampung di kaki Bukit Srengenge, serta keberhasilan naratif dalam menyampaikan mesej keusahawanan dan pengurusan sosial. Penilaian juga dibuat terhadap bagaimana prinsip tersebut memberi impak terhadap keberhasilan plot dan struktur naratif novel berkenaan. Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai-nilai keusahawanan dan semangat kolektif masyarakat kampung telah ditampilkan melalui amalan pengorganisasian secara tidak langsung dalam karya tersebut. Pendekatan ini membantu mengenal pasti bagaimana struktur sosial dan peranan kepemimpinan dalam teks dapat dianalisis dari sudut pandang pengurusan moden. Tuntasnya, bidang pengurusan mampu menjadikan kritikan sastera Melayu dapat diperkasakan menerusi metodologi yang bersifat saintifik, sistematik, dan praktikal. Ia bukan sahaja membuka ruang kepada perkembangan pemikiran baharu dalam bidang sastera, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan gagasan kritikan yang berupaya memberi impak lebih luas terhadap pembangunan intelektual, pendidikan dan tamadun bangsa. Pendekatan ini selari dengan keperluan generasi kini yang semakin cenderung kepada pemikiran berasaskan sistem, organisasi dan keberkesanan serta satu tuntutan baharu dalam era modenisasi dan teknologi.

Kata Kunci: pengurusan; prinsip; relevensi; pemikiran; kritikan

ABSTRACT

*The management approach is an innovation in the discourse of Malay literary criticism that remains relatively new and has yet to be widely explored by local literary critics. Through the application of its principles, literary management is not merely viewed as a technical approach but also offers added value to the critic's ability to produce evaluations that are more objective, systematic, and grounded in structured organizational concepts. This paper focuses on the principle of organization as one of the key components, using *Srengenge*, a novel by Shahnnon Ahmad, as the main case study. This is a qualitative study that emphasizes textual analysis and literature review. The second*

principle of management, namely the principle of organization, is applied to examine its effectiveness in shaping the collective actions of the village community at the foot of Bukit Srengenge, as well as the narrative's success in conveying messages of entrepreneurship and social management. An assessment is also made of how this principle influences the development of the plot and the narrative structure of the novel. The analysis reveals that entrepreneurial values and the collective spirit of the rural community are indirectly portrayed through the practice of organization within the narrative. This approach helps to identify how social structure and leadership roles within the text can be analysed from the perspective of modern management. Ultimately, management empowers Malay literary criticism through a methodology that is scientific, systematic, and practical. It not only opens new avenues for intellectual development within literary studies but also contributes to the formation of critical frameworks that can have a broader impact on intellectual growth, education, and national civilization. This approach aligns with the needs of the current generation, which increasingly values systems thinking, organizational clarity, and effectiveness besides an essential demand in the era of modernization and technology.

Keywords: management; principle; relevance; thought; criticism

PENGENALAN

Pelbagai definisi telah dikemukakan oleh para sarjana dalam bidang pengurusan untuk menjelaskan konsep ini. Secara umumnya, pengurusan merujuk kepada satu proses untuk mencapai matlamat organisasi secara berkesan dan cekap. Menurut Daft (1997:8), proses ini melibatkan empat fungsi utama, iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, dan pengawalan terhadap sumber-sumber organisasi.

Berdasarkan definisi tersebut, dapat dikenal pasti dua idea utama: pertama, pengurusan merangkumi empat fungsi utama; dan kedua, keberkesanan serta kecekapan menjadi asas kepada pencapaian objektif organisasi. Sementara itu, Wan Azmi Ramli (2001) mentakrifkan pengurusan sebagai satu bentuk kemahiran peribadi dan pentadbiran yang bersifat kompleks, serta dianggap sebagai suatu teknik dalam kepimpinan. Tambahan pula, pengurusan turut dilihat sebagai mekanisme untuk memperoleh kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan anggota organisasi, serta dianggap sebagai satu aktiviti yang mempunyai ciri-ciri khusus dan tersendiri. Berdasarkan pelbagai takrifan tersebut, Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) merumuskan bahawa pengurusan sastera boleh difahami sebagai suatu proses atau mekanisme yang dibentuk secara strategik, sistematik, dan efisien, dengan tujuan untuk mencapai objektif serta sasaran sesebuah organisasi. Dalam usaha merealisasikan matlamat tersebut, kerjasama dan penglibatan aktif daripada setiap anggota organisasi melalui komunikasi dan interaksi yang efektif amat penting. Di samping itu, usaha mengelakkan polemik serta konflik dalaman turut menjadi elemen utama yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pencapaian objektif yang dirancang dapat dicapai dengan jayanya.

Justeru, prinsip-prinsip pengurusan telah diadaptasi sebagai suatu pendekatan baharu dalam pengurusan dan kritikan sastera Melayu. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Profesor Dr. Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) sebagai satu kaedah moden dalam dunia kritikan sastera Malaysia. Walau bagaimanapun, pendekatan pengurusan ini masih belum diterokai secara meluas dan mendalam oleh para pengkritik tempatan. Hal ini demikian kerana bidang pengurusan sering dianggap sebagai suatu entiti yang terpisah daripada disiplin kesusasteraan, justeru kedudukannya dalam dunia sastera sering kali terpinggir. Namun, kemunculan pendekatan ini dijangka membuka ruang kepada satu aliran pemikiran baharu serta menjadi pencetus transformasi dalam landskap kritikan sastera tempatan. Malah, potensi perluasannya ke luar rantau Nusantara turut diakui. Pendekatan pengurusan ini muncul hasil cetusan idea Profesor Dr. Mohammad Mokhtar Abu Hassan dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, yang melihat keperluan kepada kaedah baharu dalam menganalisis dan menilai karya sastera tempatan. Usaha memperkasakan pendekatan ini dalam konteks kritikan sastera Melayu dan Nusantara wajar dilaksanakan secara progresif agar ia menjadi satu sumbangan yang signifikan dalam lapangan kesusasteraan.

Menurut Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013), pendekatan pengurusan meneliti karya sastera dengan mengaplikasikan lima prinsip asas pengurusan, iaitu prinsip perancangan, prinsip pengorganisasian, prinsip kepimpinan, prinsip penstafan, dan prinsip pengawalan. Kelima-lima prinsip ini boleh diterapkan secara langsung dalam teks sastera tempatan sama ada dari sudut struktur dalaman karya mahupun dari aspek

pemikiran. Justeru, pengaplikasiannya disarankan terhadap elemen-elemen intrinsik dan ekstrinsik karya seperti watak dan perwatakan, latar, nilai, persoalan, isu dan pemikiran yang terkandung dalam teks sastra.

Secara keseluruhannya, pendekatan pengurusan boleh dirumuskan sebagai satu proses atau mekanisme yang dibentuk berdasarkan keperluan perancangan strategik yang kondusif, sistematik dan efisien bagi mencapai objektif dan sasaran dalam sesebuah organisasi, termasuk organisasi dalam bidang pendidikan. Pengurusan juga berfungsi sebagai medium serta alat penilaian terhadap keupayaan dan kebolehan seseorang pemimpin dalam menerajui, mempengaruhi dan mengurus pelbagai bentuk organisasi seperti organisasi kekeluargaan, pendidikan, kemasyarakatan dan kenegaraan. Tambahan pula, kepelbagaian teori dan pendekatan dalam dunia kritikan sastra pada abad ke-21 telah memperkaya lagi wacana kesusasteraan secara ilmiah, terbuka dan berlandaskan pelbagai perspektif yang mantap.

PRINSIP ASAS PENGURUSAN SASTERA

Prestasi pengurusan sesebuah organisasi dikaitkan dengan ukuran kecekapan dan keberkesanannya. Kecekapan pengurusan adalah merujuk kepada sumber yang digunakan untuk mencapai matlamat. Ini melibatkan penggunaan sumber manusia yang diperlukan untuk menghasilkan *outcome* atau objektifnya. Kecekapan dalam pengurusan sastra boleh ditinjau dari sudut kebolehan untuk menggunakan sumber manusia yang minima (guru sastra) bagi menghasilkan pelajar sastra yang berkualiti. Dalam erti kata lain, kita dianggap cekap apabila kita berupaya menggunakan sumber organisasi secara bijaksana dan cermat berhemah tanpa pembaziran sumber manusia. Manakala keberkesanan sesuatu organisasi pula adalah merujuk kepada darjah sejauh mana organisasi pengurusan sastra mencapai matlamat yang ditetapkan.

Ini bermakna organisasi berjaya dalam mencapai apa yang ia cuba lakukan. Lagi dekat organisasi berada pada tahap pencapaian matlamatnya, maka lagi berkesanlah pengurusannya. Keberkesanan pengurusan organisasi bererti menyediakan suatu produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai kepada pengguna atau pelanggan. Walaupun begitu, kejayaan sesuatu pengurusan sastra dalam merealisasikan matlamat serta melunaskan tanggungjawab sosialnya amat bergantung kepada komitmen menyeluruh semua pihak yang terlibat dalam ekosistem pendidikan sastra. Ini termasuklah guru, pihak pentadbiran sekolah, pegawai pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri serta Kementerian Pendidikan sendiri. Pengurusan sastra yang berkesan harus mampu melaksanakan sekurang-kurangnya empat fungsi utama pengurusan, iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan, dalam konteks pengurusan organisasi pendidikan.

Fungsi pertama, iaitu perancangan, merupakan langkah awal yang bertujuan untuk menentukan hala tuju pengurusan sastra pada masa akan datang serta mengenal pasti kaedah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Secara umum, perancangan boleh difahami sebagai proses mengenal pasti matlamat jangka panjang organisasi, disusuli dengan keputusan-keputusan berkaitan tugas dan pengagihan sumber manusia yang diperlukan untuk menjayakan matlamat tersebut. Tiga objektif utama perancangan dalam konteks ini termasuklah:

- Menetapkan hala tuju organisasi ke arah peningkatan kualiti pengurusan sastra di peringkat sekolah, jabatan dan kementerian;
- Mengenal pasti sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan;
- Menentukan aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Setelah perancangan dirangka, langkah seterusnya ialah menterjemahkan idea-idea yang bersifat konseptual kepada pelaksanaan yang bersifat praktikal. Di sinilah pentingnya fungsi pengorganisasian, yang merangkumi proses pembahagian tugas, penentuan peranan, agihan sumber serta pembentukan struktur organisasi yang jelas dan fungsional. Dalam konteks pendidikan sastra, ini boleh melibatkan pengagihan tugas ke peringkat sekolah atau jabatan, penyediaan deskripsi kerja, pembahagian sumber manusia dan penstafan yang bersesuaian. Struktur hubungan yang terbentuk hasil daripada proses ini membolehkan pelaksanaan rancangan secara lebih tersusun. Keberkesanan fungsi pengorganisasian akan menentukan keupayaan pengurusan sastra dalam menyelaras sumber manusia dengan cara yang optimum.

Selain itu, fungsi kepimpinan turut memainkan peranan yang sangat penting, khususnya selepas pelan perancangan dan struktur organisasi diwujudkan. Kepimpinan tidak hanya bertindak sebagai kesinambungan kepada proses terdahulu, malah ia juga menjadi tunjang kejayaan fungsi-fungsi pengurusan yang lain. Kepimpinan merujuk kepada keupayaan mempengaruhi serta memotivasikan warga kerja yang terlibat dalam pengurusan sastera yang terdiri daripada guru sastera, pihak pentadbiran sekolah, pegawai pendidikan daerah dan negeri, serta pentadbir di peringkat kementerian. Melalui proses komunikasi yang berkesan, pemimpin perlu menyalurkan maklumat berkaitan matlamat organisasi, membina budaya dan nilai bersama, serta menyemai semangat usaha ke arah pencapaian prestasi cemerlang.

Akhir sekali, fungsi pengawalan pula merujuk kepada proses memantau, menilai dan mengambil tindakan pembetulan terhadap sebarang kelemahan dalam pelaksanaan sesuatu program atau pendekatan. Melalui kawalan yang sistematik, pihak pengurusan dapat memastikan keberkesanan dan tahap prestasi sentiasa berada pada landasan yang tepat, sekaligus membantu meningkatkan kualiti pengurusan sastera secara menyeluruh.

PEMERKASAAN PENDEKATAN PENGURUSAN SASTERA DALAM KRITIKAN SASTERA

Secara umumnya, bidang kritikan sastera dalam kesusasteraan Melayu hanya mula menonjol sekitar dekad 1950-an. Meskipun terdapat usaha sebelum tempoh tersebut, ia lebih menjurus kepada bentuk ulasan dan resensi semata-mata. Kritikan sastera tidak hanya terbatas kepada penilaian terhadap karya sastera yang telah dihasilkan (bersifat deskriptif), tetapi juga merangkumi panduan kepada penulis mengenai teknik penulisan yang betul dan berkesan (bersifat legislatif), di samping merangkumi pembentukan teori sastera (kritikan teori). Namun begitu, perkembangan kritikan dalam pengertian ini di Malaysia bergerak secara perlahan. Hal ini berlaku kerana bidang ini tidak mempunyai akar tradisi yang kukuh serta kurang mendapat perhatian daripada para penulis (Hashim Awang, 1997:102). Walau bagaimanapun, usaha ke arah memperkukuh bidang ini terus dijalankan dengan semangat yang tinggi, yang seterusnya menampakkan kemajuan dan perkembangan positif dalam arena kritikan sastera Melayu.

Kebanyakan penilaian yang dilakukan lebih tertumpu kepada analisis terhadap tema atau persoalan yang diketengahkan dalam sesebuah karya. Tema dan persoalan tersebut pula lazimnya dikaitkan secara langsung dengan isu nasionalisme Melayu. Oleh kerana isu ini diberi keutamaan, maka kebanyakan kritikan yang wujud lebih bersifat subjektif dan emosional. Dengan kata lain, pendekatan yang digunakan tidak bersandar pada prinsip atau kaedah yang saintifik dan objektif. Dalam hal ini, kritikan sastera memainkan tiga fungsi utama, iaitu:

- Menampilkan reaksi peribadi terhadap sesebuah karya sastera.
- Menjadi sebagai penafsir bagi peminat atau pembaca.
- Menjadi sebagai hakim.

Oleh yang demikian, untuk melaksanakan tugas-tugas inilah maka wujudnya para pengkritik dan untuk mencari persetujuan ke arah ini kita memerlukan tumpuan pandangan ke atas berbagai pendapat lain tentang kritikan dan karya seni sastera.

Secara umumnya, karya sastera dihasilkan untuk dinikmati, difahami dan dimanfaatkan oleh khalayak pembaca. Sasterawan sebagai pencipta karya juga merupakan sebahagian daripada masyarakat dan terikat dengan kedudukan serta peranan sosial tertentu. Sastera berfungsi sebagai institusi sosial yang menjadikan bahasa sebagai wahana utama penyampaian makna, sedangkan bahasa itu sendiri merupakan ciptaan kolektif masyarakat. Maka, sastera secara tidak langsung mempersembahkan refleksi terhadap kehidupan, dan kehidupan itu pula ialah satu bentuk realiti sosial yang kompleks (Hashim Awang, 1997:26). Dalam konteks ini, makna kehidupan yang dimaksudkan mencakupi hubungan sosial antara individu dan masyarakat, interaksi antara manusia, serta konflik batin yang berlaku dalam diri seseorang. Konflik dalaman ini sering dijadikan bahan dalam karya sastera kerana ia mencerminkan kesan langsung daripada hubungan antara individu dengan lingkungannya, termasuk kelompok sosial yang mempengaruhi kehidupannya.

Karya sastra, sama ada dilihat sebagai hasil kreativiti estetik mahupun sebagai reaksi terhadap persekitaran sosial, berperanan untuk mengungkapkan perilaku manusia dalam kerangka sosial yang memiliki makna penting terhadap aspirasi seniman dan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, dimensi yang digambarkan dalam karya bukan hanya bersifat fizikal terhadap watak, tetapi lebih mendalam kepada sikap, tindakan dan peristiwa-peristiwa yang menggambarkan struktur sosial tertentu. Dalam penghasilan karya, pengarang lazimnya menyusun naratif berdasarkan norma dan nilai yang dipegang dalam masyarakatnya. Seterusnya, unsur-unsur sosial ini diolah dalam sistem sastra melalui pendekatan yang dipengaruhi oleh konvensi dan tradisi budaya sesebuah komuniti.

Oleh yang demikian, sebelum sesuatu karya sastra dapat dinilai atau dipilih, pengkritik perlu terlebih dahulu menghayatinya secara langsung dan mendalam. Penekanan terhadap keperluan pengalaman estetik yang tulen ini turut dijelaskan oleh Theodore Meyer Greene dalam karyanya *The Arts and the Art of Criticism* (1943). Berdasarkan pandangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa pengkritik ialah individu yang benar-benar mengalami dan menjiwai karya seni atau sastra, dan kemampuan mereka dalam memberikan kritikan bergantung sepenuhnya kepada keupayaan untuk melakukan penghayatan tersebut. Oleh itu, sebelum melakukan penjelasan dan penilaian, pengkritik seharusnya terlebih dahulu melihat karya sebagai yang ada dan sebenarnya buat dirinya. Pendekatan pengurusan dalam karya sastra yang meneliti Prinsip Kepimpinan khasnya dalam sastra Melayu merupakan bidang pengkajian baharu dalam dunia kritikan sastra di Malaysia. Salah satu kajian yang relevan dalam konteks kritikan sastra ialah kajian oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) yang dibentangkan dalam Himpunan Ilmuwan Sastra Melayu Malaysia di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam kertas kerja bertajuk *Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastra*, beliau meneliti dua cerita rakyat, iaitu *Sang Kancil* dan *Buaya serta Lebai Malang*, dengan menggunakan pendekatan kritikan berasaskan Prinsip Perancangan dalam pengurusan.


Kajian ini bertujuan untuk meneroka satu kaedah pengurusan yang efektif dan efisien sebagai panduan dalam menyelesaikan konflik atau masalah yang timbul dalam sesebuah naratif sastra. Analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa elemen pengurusan, khususnya perancangan yang strategik, dapat dikesan dalam pemikiran dan tindakan watak-watak utama cerita rakyat yang dikaji. Pendekatan ini turut dibincangkan secara komprehensif, termasuk dari sudut definisi serta pandangan sarjana tempatan dan Barat mengenai konsep pengurusan. Kesimpulannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa elemen perancangan yang teratur, bijak dan sistematik memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pencapaian matlamat. Oleh itu, mesej utama yang disampaikan melalui analisis ini ialah bahawa di sebalik tindakan penuh kebijaksanaan dalam karya sastra, tersembunyi satu aspek penting iaitu amalan pengurusan yang tersusun dan terancang.

Isu berkaitan pengurusan turut dianalisis dalam cerpen *Di Sebalik Tirai Makna*, hasil penelitian Awang Said Mokhtar. Kajian tersebut menumpukan kepada penggunaan Pendekatan Pengurusan dengan memberi tumpuan khusus terhadap Prinsip Pengorganisasian dan Prinsip Penstafan. Perbincangan ini meneliti aspek kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh seorang ketua dalam melaksanakan tanggungjawab pentadbiran dalam sesebuah organisasi. Melalui analisis teks, didapati bahawa tokoh pentadbir dalam cerpen tersebut gagal merealisasikan matlamat organisasi akibat daripada pelbagai konflik dalaman dan isu struktur yang wujud dalam institusi yang diterajuiinya. Kegagalan ini jelas mencerminkan pelaksanaan Prinsip Pengorganisasian yang tidak berkesan serta pengurusan yang lemah. Kajian ini dengan jelas memperlihatkan bagaimana ketidakcekapan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran telah menyumbang kepada keruntuhan arah tuju organisasi yang dipimpin oleh watak utama tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam konteks ini, pendekatan pengurusan berasaskan prinsip pengorganisasian telah diterapkan secara tidak langsung sebagai satu usaha memperkaya kaedah analisis dan penilaian terhadap karya prosa sastra tempatan, khususnya melalui pendekatan deskriptif dan tekstual. Hal ini dapat dilihat melalui peranan prinsip pengorganisasian dalam konteks keusahawanan yang ditampilkan dalam *Novel Srengenge*. Pengorganisasian merupakan prinsip kedua dalam kerangka proses pengurusan. Menurut definisi yang dikemukakan oleh Mohd Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003), pengorganisasian ialah proses yang menggabungkan individu-individu untuk bekerjasama secara sistematik bagi mencapai

matlamat yang telah digariskan.

Dalam usaha memastikan pengurusan yang teratur dan berkesan, prinsip ini dapat menjadi panduan penting kepada pelbagai jenis organisasi, sama ada berbentuk korporat mahupun masyarakat. Ini kerana setiap anggota dalam sesebuah organisasi bergantung antara satu sama lain dalam merealisasikan perancangan yang telah dirumuskan. Nilai-nilai seperti kebersamaan, kolaborasi, dan semangat kolektif memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan proses pengorganisasian. Di samping itu, pelaksanaan prinsip ini juga dapat mengurangkan risiko seperti kerugian akibat daripada kegagalan pengurusan. Seperti yang diuraikan oleh Jaafar Muhammad (2003), prinsip pengorganisasian bukan sahaja menjadi asas kepada hubungan antara perancangan dan pelaksanaan, malah turut menetapkan strategi dan kaedah pelaksanaan yang relevan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Antara risiko yang boleh dihadapi adalah ketidaksinambungan dari proses yang pertama iaitu proses perancangan, penetapan matlamat tidak akan tercapai. Ketika dalam proses pengorganisasian, beberapa perkara haruslah diaplikasikan iaitu penerapan terhadap prinsip-prinsip dan proses-proses pengorganisasian (Jaafar Muhammad, 2003) sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rajah 2, iaitu:



Rajah 2. Proses-proses Pengorganisasian

Ketika proses pertama berlaku tiap-tiap kumpulan atau organisasi yang telah atau akan dibentuk sudah pasti mempunyai matlamat atau tujuan yang telah ditetapkan dan setiap matlamat dan objektif tersebut juga mempunyai langkah-langkah dan strategi yang berbeza. Oleh itu, setiap individu yang menjadi anggota dalam sesuatu kumpulan atau organisasi perlu melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka dengan penuh komitmen dan kecekapan. Proses yang kedua pula adalah fasa yang mana segala senarai tugas yang telah ditetapkan akan disesuaikan dengan kumpulan atau individu yang sesuai bagi memudahkan klasifikasi dan pemantauan yang bakal dilakukan kelak di dalam prinsip pengawalan.

Seterusnya, proses ketiga dalam pengorganisasian melibatkan pembahagian dan pengagihan beban kerja secara sistematik kepada ahli-ahli organisasi yang mempunyai kemahiran dan kepakaran yang bersesuaian. Penyesuaian tugas ini amat penting memandangkan setiap organisasi memiliki sumber yang berbeza, khususnya dari segi sumber manusia. Sekiranya seseorang individu diberikan tanggungjawab yang melebihi kemampuannya, ia boleh menjejaskan tahap fokus dan kualiti hasil kerja yang dilaksanakan. Proses terakhir pula merangkumi penubuhan saluran penyelarasan yang berstruktur, yang lazimnya dilaksanakan melalui pembentukan mekanisme organisasi seperti jabatan, jawatankuasa atau carta organisasi. Saluran-saluran ini berfungsi untuk menyelaraskan gerak kerja dan memastikan perjalanan organisasi berjalan lancar serta teratur.

Selain itu, menurut Jaafar Muhammad (2003), para sarjana dalam bidang pengurusan turut bersetuju bahawa proses pengorganisasian melibatkan beberapa prinsip penting yang perlu diberi perhatian dalam

memastikan keberkesanan pengurusan keseluruhan. Rajah 3 adalah merupakan prinsip-prinsip asas pengorganisasian yang penting bagi memastikan organisasi yang dibentuk akan mampu menjalankan fungsi mereka dengan berkesan:



Rajah 3. Prinsip-prinsip Asas Pengorganisasian

Pengkhususan kerja memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti hasil kerja yang dihasilkan memenuhi standard yang telah ditetapkan. Menurut Adam Smith seperti yang dipetik oleh Jaafar Muhamad (2003), terdapat tiga faktor utama yang menjadikan pengkhususan kerja begitu signifikan dalam proses pengorganisasian. Pertama, ia dapat meningkatkan tahap kemahiran individu dalam melaksanakan tugas. Kedua, pengkhususan membantu menjimatkan masa kerana tidak berlaku pertukaran atau pertindihan kerja antara satu tugas dengan tugas yang lain. Ketiga, ia mendorong kepada inovasi serta penggunaan teknologi atau peralatan khusus yang dapat meningkatkan produktiviti kerja. Pendapat ini turut disokong oleh tokoh-tokoh pengurusan terkenal seperti Henri Fayol (1841–1925) dan Charles Babbage (1792–1871).

Sementara itu, konsep skala dan kefungisian pula merujuk kepada struktur hierarki dalam sesebuah organisasi, khususnya dari aspek aliran autoriti. Struktur autoriti yang jelas akan memudahkan pelaksanaan tugas serta mempercepatkan proses membuat keputusan. Di samping itu, aspek jangkauan pengurusan (*span of control*) juga penting dalam menentukan bilangan anggota atau staf yang sesuai dalam sesebuah kumpulan bagi membolehkan pemantauan dan bimbingan yang lebih berkesan oleh ketua atau penyelia.

Prinsip keempat pula merujuk kepada struktur organisasi, iaitu pembahagian kepada unit atau jabatan tertentu serta hubungan antara unit-unit tersebut. Struktur yang dipilih oleh sesebuah organisasi akan mempengaruhi corak operasi dan hala tuju pengurusan. Berdasarkan pandangan Jaafar Muhamad (2003), semua proses dan prinsip asas pengorganisasian ini akan dianalisis dalam konteks novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad. Analisis ini bertujuan untuk menilai sama ada unsur keusahawanan yang digambarkan dalam masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang benar-benar mencerminkan aplikasi prinsip pengurusan tersebut atau sebaliknya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kaedah analisis teks secara deskriptif dan tekstual. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk menganalisis elemen-elemen struktur dan pemikiran dalam teks sastera berdasarkan prinsip-prinsip asas pengurusan. Dalam konteks ini, lima prinsip utama pengurusan yang diperkenalkan oleh Profesor Emeritus Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) telah dijadikan kerangka analisis, iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan, dan pengawalan. Namun begitu, hanya prinsip kedua iaitu prinsip pengorganisasian diaplikasikan di dalam kajian ini. Novel *Srengenge* (1973) karya Shahnnon Ahmad telah dipilih sebagai novel kajian kerana mengandungi latar masyarakat desa dengan elemen keusahawanan dan struktur sosial yang kompleks, sesuai untuk dianalisis melalui prinsip pengorganisasian. Proses pengumpulan data dilakukan melalui kajian kepustakaan,

melibatkan penilaian karya-karya kreatif dan rujukan akademik daripada sumber tempatan dan antarabangsa yang berkaitan dengan teori pengurusan, kritikan sastera, dan sosiobudaya Melayu yang bersesuaian.

Data dianalisis dengan mengenal pasti unsur-unsur pengurusan dalam struktur teks seperti watak, perwatakan, tindakan, latar peristiwa, serta bentuk interaksi sosial antara watak-watak. Dalam proses penganalisan, pendekatan ini meneliti keberkesanan prinsip pengorganisasian dalam mencorak tindakan kolektif masyarakat kampung di kaki Bukit Srengenge, serta keberhasilan naratif dalam menyampaikan mesej keusahawanan dan pengurusan sosial. Penilaian juga dibuat terhadap bagaimana prinsip tersebut memberi impak terhadap keberhasilan plot dan struktur naratif novel berkenaan.

AKTIVITI KEUSAHAWANAN DALAM NOVEL *SRENGENGE*

Srengenge merupakan sebuah novel yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad pada tahun 1973, dalam konteks zaman ketika masyarakat Malaysia masih bergantung kepada aktiviti ekonomi berasaskan keusahawanan sebagai sumber utama pendapatan. Khususnya, dalam latar masyarakat kampung yang digambarkan oleh Shahnnon Ahmad dalam novel ini, kegiatan pertanian menjadi nadi utama kehidupan. Penduduk di kampung yang terletak di kaki Bukit Srengenge menjadikan penanaman padi sebagai sumber rezeki utama. Dalam tempoh menunggu hasil tuaian, mereka turut menjalankan pelbagai aktiviti sampingan seperti meracik burung di kawasan bukit, sebagai usaha tambahan untuk menyara kehidupan.

Secara autobiografi, latar masyarakat dan tempat dalam novel ini banyak dipengaruhi oleh pengalaman peribadi Shahnnon Ahmad sendiri. Setelah kedua ibu bapanya iaitu Haji Ahmad bin Haji Abu Bakar dan Hajah Kelsum binti Haji Mohd Sama telah berkahwin, mereka menetap di daerah Sik, Kedah. Pengalaman hidup penulis di kampung tersebut jelas mempengaruhi pengolahan latar dalam novel *Srengenge*. Shahnnon sering mengikut ibunya ke sawah, dan rutin ini membentuk kepekaannya terhadap kehidupan desa serta budaya agraria masyarakat setempat. Dalam realiti geografi, Bukit Srengenge yang digambarkan dalam novel sebenarnya merujuk kepada sebuah bukit sebenar yang wujud di Sik, Kedah, dikenali dalam kalangan penduduk setempat sebagai Bukit Enggang. Shahnnon Ahmad telah menukarkan nama bukit tersebut kepada Bukit Srengenge dalam naratif novelnya, sekaligus menjadikan lokasi ini sebagai simbolik kepada latar fizikal dan emosi dalam karya tersebut.

PROSES PENGORGANISASIAN MEMBANTU MENCAPAI MATLAMAT

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa prinsip pengorganisasian yang diterapkan dalam Novel *Srengenge* berkait rapat dengan usaha memperkukuh semangat keusahawanan dalam kalangan masyarakat desa, khususnya melalui aktiviti pertanian seperti penanaman padi huma dan beberapa pekerjaan sampingan yang menjadi rutin harian penduduk kampung. Analisis mendapati bahawa hanya tiga prinsip utama dalam pengorganisasian yang dapat dikenal pasti telah diaplikasikan secara signifikan dalam teks novel ini. Ringkasan hasil dapatan tersebut ditunjukkan melalui jadual di bawah:

Jadual 1 Proses Pengorganisasian dalam Novel *Srengenge*

Proses Pengorganisasian	Penerapan dalam Novel <i>Srengenge</i>
Merumus dan menetapkan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan secara sistematik bagi mencapai matlamat yang telah ditentukan oleh organisasi atau kumpulan.	√
Mengelompokkan tugas-tugas yang telah dikenalpasti ke dalam kategori aktiviti yang sesuai dan saling berkaitan mengikut kesesuaian fungsi serta objektifnya.	√
Melaksanakan pembahagian tugas secara sistematik dengan menyesuaikan beban kerja kepada pekerja yang memiliki kelayakan, keupayaan, dan kemahiran yang bersesuaian.	√

Merangka sistem pengurusan yang mampu menyelaraskan pelaksanaan kerja dalam kalangan semua ahli organisasi agar wujud kesepaduan tindakan serta pengendalian operasi yang cekap dan berstruktur.

Proses pertama dalam prinsip pengorganisasian, iaitu penentuan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif tertentu, dapat dikenal pasti dengan ketara dalam Novel Srengenge melalui peranan watak Awang Cik Teh. Beliau memainkan peranan utama dalam membahagikan kerja-kerja yang perlu dilakukan untuk memugar Bukit Srengenge kepada penduduk kampung yang terlibat. Pada peringkat awal, Awang Cik Teh telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Imam Hamad dan memberi ruang untuk mempertimbangkannya. Namun, keputusan Imam Hamad untuk menerima cadangan itu akhirnya dipengaruhi oleh perasaan marah terhadap kehadiran Sewah, yang dianggap sebagai gangguan dan punca kepada kebaculan Si Jebat iaitu seekor burung terkukur kesayangannya. Peristiwa ini mencetuskan keputusan penting yang membawa kepada pelaksanaan kerja memugar bukit, sekaligus memaparkan prinsip awal dalam pengorganisasian.

Disebabkan sikapnya yang kurang sabar, Imam Hamad telah bertindak membunuh burung peliharaannya, Si Jebat. Insiden ini menjadi titik tolak kepada keputusan tegas beliau untuk memugar Bukit Srengenge, setelah merasa kecewa dan serik dengan peristiwa yang menimpanya. Reaksi terhadap keputusan tersebut memperlihatkan perubahan ketara dalam diri Awang Cik Teh yang pada awalnya terkejut, namun kemudiannya berasa gembira dan bersemangat untuk melaksanakan perancangannya. Sebagai langkah awal, dalam bab enam novel Srengenge, Imam Hamad mencadangkan agar satu mesyuarat bersama penduduk kampung di kaki bukit diadakan terlebih dahulu. Menariknya, mesyuarat ini dicadangkan tanpa kehadiran Awang Cik Teh, kerana Imam Hamad, selaku ketua kampung, memikul tanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan daripada penduduk terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan dilakukan. Tindakan ini mencerminkan pendekatan pengurusan yang teratur dan berprinsip, serta selaras dengan proses awal dalam prinsip pengorganisasian yang menekankan penentuan objektif dan penyelarasan kerja. Setelah mendapat persetujuan daripada Imam Hamad, Awang Cik Teh teruja untuk memulakan aktiviti memugar Bukit Srengenge. Bab tujuh telah digambarkan oleh Shahnnon yang mana Awang Cik Teh telah mula membayangkan kerja-kerja yang dilakukan untuk memugar Srengenge. Keterujaan dan semangat tersebut telah membuatkan Awang Cik Teh tidak boleh tidur malam dengan lena memikirkan tentang Srengenge dan apakah yang akan dilakukan setelah hari siang sebagaimana yang berikut: "... Esok dia terus sahaja mencari kapak. Kalau kapak lama tidak tajam lagi, beli kapak baru. Dan hulunya biar kayu yang berteras teguh. Esok pun seelok-eloknya dia cuba mendaki Srengenge itu melihat-lihat keadaan keliling. Dia tidak peduli bahagian mana untuknya." (*Srengenge*, hlm.117).

Ketelitian yang dimiliki oleh Awang Cik Teh membuktikan semangat yang dimiliki oleh Awang Cik Teh bukanlah hanya "hangat-hangat tahi ayam". Walaupun Awang Cik Teh mengetahui bahawa pemugaran bukit Srengenge adalah mencabar, namun dengan berkat usaha dan keizinan dari Tuhan pasti akan membuahkan hasil pada akhirnya. Seterusnya adalah proses yang kedua, iaitu mengelompokkan tugas-tugas yang telah dikenalpasti ke dalam kategori aktiviti yang sesuai dan saling berkaitan mengikut kesesuaian fungsi serta objektifnya.

Ketika inilah semangat antara orang kampung di kaki bukit Srengenge akan diuji sama ada mereka dalam kebersamaan atau pun tidak. Walaupun terdapat segelintir penduduk kampung yang tidak bersetuju dengan hasrat Awang Cik Teh, iaitu seperti Diah dan Siddik yang khuatir kelak hobi mereka terganggu, namun masih ada beberapa penduduk kampung yang terpaksa akur kerana telah melibatkan ketua kampung iaitu Imam Hamad. Ketika langkah permulaan pemugaran bukit Srengenge ingin dimulai, terdapat peristiwa yang tidak terjangka yang telah terjadi dalam bab sembilan apabila Imam Hamad jatuh sakit secara tiba-tiba.

Selaku orang penting di dalam kampung tersebut, usaha memulihkan Imam Hamad terlebih dahulu dilakukan. Kepercayaan animisme penduduk kampung nyatanya masih menebal apabila mereka mempercayai bahawa Imam Hamad sebenarnya tertegur datuk atau badi poke yang seolah-olah memarahi

dan tidak bersetuju dengan pemugaran Srengenge. Proses Pengorganisasian yang kedua dapat dikesan ketika usaha bagi mengubati Imam Hamad dilakukan.

Oleh kerana masyarakat kampung di kaki bukit Srengenge masih menebal dengan kepercayaan animisme, mereka telah bersepakat untuk mengubati Imam Hamad dengan menggunakan cara tradisional. Seorang penduduk tempatan yang bernama Useng sangat arif dalam perubatan tradisional telah bertanggungjawab untuk mengubati Imam Hamad. Useng tidak kisah Imam Hamad dirasuk oleh hantu mana sekali pun kerana Useng sangat mempercayai dengan jin islam miliknya. Setelah tiba di rumah Imam Hamad, maka Useng segera memulakan sesi pengubatan apabila beberapa barang keperluan telah disediakan sebagaimana yang digambarkan Shahnnon Ahmad, iaitu; “Sementara itu Hajah Munah sudah sedia dengan kehendak-kehendak berdupa; kemenyan, sejempit lilin, benang hitam lima pintal, pinang sepiak, wang lima belas sen dan seranting mengkudu berdaun lebar.” (*Srengenge*, hlm.179).

Maka, bermulalah ritual pengubatan yang dilakukan oleh Useng dengan setia ditemani oleh Hajah Munah dan penduduk kampung yang memenuhi rumah Imam Hamad. Semua penduduk kampung ralit melihat Useng yang diibaratkan lincih seperti ayam yang bersabung; “Tiba-tiba dia mendongak membeliakkan kedua-dua belah matanya ke arah Srengenge yang jauh terpampang di langit yang cerah. Bibirnya kumat-kumit menyeru segala roh. Kepala lututnya mulai terketar-ketar kedua-dua belah. Kemudian kedua-dua belah tangannya turut terketar-ketar. Lima pintal lilin benang hitam sudah terpasang. Apinya malap; terlenggok-lenggok tidak tentu arah. Kemenyan ditabur di atas bara yang merah dalam cepu asap melonjak keluar dan baunya entah tidak...” (*Srengenge*, hlm. 179-180).

Pada akhirnya, Useng dengan yakinnya menyatakan bahawa benarlah Imam Hamad tertegur dengan ‘benda’ yang tinggal di bukit Srengenge dan ‘benda’ itu adalah ‘orang baru’ yang menghuni Srengenge. Bagi mengubati Imam Hamad, Useng telah merencanakan upacara ‘menjamu’. Sesungguhnya, jawapan itulah yang ditunggu-tunggu oleh Hajah Munah dan orang kampung kerana dari situlah mereka dapat memikirkan tindakan yang selanjutnya.

Tanpa berlengah, watak-watak seperti Awang Cik Teh, Debasa, Kasseng, Diah, Saad, Cik Lah serta beberapa penduduk kampung lain termasuk wanita dan kanak-kanak segera bertindak setelah memahami kehendak entiti misteri yang digambarkan sebagai ‘benda baru’ yang menghuni Bukit Srengenge. Demi mengelakkan keadaan Imam Hamad daripada menjadi lebih buruk akibat gangguan tersebut, mereka segera melakukan persiapan menjamu roh tersebut. Dalam proses ini, pembahagian tugas dilakukan secara pantas dan tersusun, sesuai dengan keupayaan individu masing-masing. Tindakan ini mencerminkan pelaksanaan prinsip ketiga dalam proses pengorganisasian, iaitu pembahagian tugas secara sistematik dengan menyesuaikan beban kerja kepada pekerja yang memiliki kelayakan, keupayaan, dan kemahiran yang bersesuaian. Peristiwa ini digambarkan secara jelas dalam teks, antaranya melalui penyediaan makanan dan pelaksanaan syarat-syarat jamuan yang tertentu: “Sementara menunggu Useng sedar kembali, para tamu mengisar punggung. Yang di dapur mula sedia hindangan. Nasi yang dibubuh dalam pinggan, diangkat keluar... Nanti apabila Useng bangun kembali, segala syarat tahulah dia. Yang wajib ayam panggang lima ekor. Sudah pun Hajah Munah berbisik dengan Jantan... mula kejar ayam, tersusap-sasap bawah rumah belakang rumah.” (Shahnnon Ahmad, *Srengenge*, hlm. 184). Teks ini jelas memperlihatkan bagaimana kerja diagihkan secara berstruktur: ada yang bertugas di dapur, ada yang bertanggungjawab menyediakan lauk-pauk, dan ada pula yang diberi tanggungjawab mendapatkan ayam panggang sebagai salah satu syarat jamuan. Hal ini menggambarkan keberkesanan proses pengorganisasian apabila setiap tugas dilaksanakan oleh individu yang sesuai dan mampu menggalas tanggungjawab yang diberikan.

Setelah semuanya tersedia, Useng segera memberi perintah kepada orang yang akan mengikutinya bagi bersama-sama dalam rombongan untuk menjamu Srengenge yang akan diketuai oleh Useng sendiri. Useng tidak meletakkan had berapa orang yang akan berangkat ke Srengenge. Lima orang sudah mencukupi bagi menjunjung badang yang terisi ayam panggang dan yang pastinya orang-orang perempuan dan juga budak-budak lelaki mahupun perempuan adalah dilarang. Rombongan menjamu telah bergerak ke bukit Srengenge selepas isyak kerana mengikut perancangannya mereka akan menjamu ‘orang baru’ itu pada tengah malam. Sementara yang lainnya setia menunggu di rumah Imam Hamad.

Kebersamaan penduduk kampung yang bersatu padu dapat dilihat ketika usaha mengubati Imam Hamad. Kebanyakan mereka walaupun merasa takut dan masih terpinga-pinga kerana terkejut dengan situasi yang menimpa Imam Hamad, tetapi mereka sangat memberikan kerjasama tatkala tenaga mereka diperlukan. Baik lelaki mahupun wanita sehinggakan kanak-kanak, mereka saling tidak berganjak dengan memenuhi di serambi dan perkarangan rumah Imam Hamad kerana ingin mengetahui perkembangan Imam Hamad. Tanpa disedari, sebenarnya proses pengorganisasian telah diaplikasikan dalam kehidupan seharian walaupun mereka menjalani kehidupan tradisi dan diperkampungan tanpa memerlukan kesempurnaan dari kemajuan teknologi.

Dengan kata lain, proses pengorganisasian adalah merupakan langkah pertama kepada perlaksanaan sebuah perancangan yang akan mempengaruhi kepada pencapaian terhadap matlamat yang ditetapkan. Oleh sebab itu, terdapat beberapa aspek yang harus dipertimbangkan ketika proses pengorganisasian dilakukan dan antara aspek tersebut adalah empat proses pengorganisasian dan empat prinsip pengorganisasian sebagaimana menurut Jaafar Muhamad (2003). Secara keseluruhan, pengorganisasian merupakan salah satu fungsi utama dalam pengurusan yang berperanan untuk menyelaras dan mengintegrasikan pelbagai aktiviti dalam sesebuah organisasi, sama ada dalam konteks organisasi korporat mahupun organisasi berbentuk kemasyarakatan. Bagi situasi sebegini, seseorang ketua, pengurus atau individu yang menganggotai sesebuah organisasi haruslah bijak menyusun sesuatu tugas dan tanggungjawab dengan jelas agar segala kerja dapat berjalan dengan lancar. Bagi usaha yang melibatkan keusahawanan terutamanya, sudah pasti unsur-unsur yang menjadi indikasi pertama yang menjadi ukuran iaitu pembaziran sumber tenaga manusia dan kerugian sumber kewangan seperti mana yang dibincangkan oleh Rahim Abdullah melalui jadual 1 dapat diatasi seminimal yang mungkin. Oleh itu, pengurusan yang cekap haruslah dititikberatkan dalam keusahawanan agar dapat memberikan impak dan hasil yang baik bagi sesebuah usaha yang dilakukan.

KESIMPULAN

Pendedahan terhadap perincian pendekatan pengurusan yang diasaskan oleh Profesor Emeritus Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah membawa sinar baharu dalam dunia kritikan sastera Melayu di Malaysia. Pertikaian demi pertikaian terhadap kepentingan sastera Melayu dalam kehidupan manusia sedikit sebanyak terawat dengan adanya pendekatan baharu ini yang meneroka masyarakat mengetahui adanya elemen pengurusan dalam karya sastera. Penerapan elemen pengurusan dalam karya sastera berperanan sebagai panduan serta nilai tambah kepada pengkarya dalam menghasilkan karya yang bukan sahaja bermutu, tetapi juga mempunyai nilai intelektual yang lebih tinggi daripada sekadar bahan bacaan semata-mata. Malah, pemantapan pendekatan pengurusan ini turut membuka ruang kepada perumusan prinsip-prinsip pengurusan yang dapat diaplikasikan secara deskriptif dan tekstual dalam pembinaan sesebuah teks. Pendekatan ini juga selari dengan arus pemodenan pemikiran generasi semasa yang dipengaruhi oleh kemajuan teknologi, khususnya dalam era modenisasi berasaskan kecerdasan buatan (AI).

Justeru itu, daripada perkembangan penelitian yang dilakukan sama ada pengaplikasian terhadap pemeriksaan pendekatan pengurusan dan analitikal karya sasterwan negara telah membuktikan bahawa terdapat perkembangan yang positif dalam bidang kritikal sastera Melayu di Malaysia mahupun Nusantara. Lantaran berupaya membina pemikiran baru yang memberi impak terhadap industri sastera negara dan Nusantara yang lebih mampan dan progresif. Akhirnya, setinggi dedikasi kepada Profesor Emeritus Mohamad Mokhtar Abu Hassan sebagai pencetus pendekatan pengurusan sastera yang dibentangkan dalam seminar di UPSI dan setinggi penghargaan serta terima kasih jua kepada pihak IPM yang berkelapangan ruang menerbitkan artikel ini, semoga memberi manfaat kepada semua warga yang mencintai ilmu peradaban bangsa.

PENGHARGAAN

Ucapan setinggi penghargaan kepada Pengurus Hamudi Maritime Sdn Bhd kerana memberi pendanaan untuk penyelidikan ini. Terima kasih diucapkan kepada Institut Peradaban Melayu atas kesudian dalam mengurus dan menerbitkan artikel ini.

RUJUKAN

- Aizat Mohd Nasurdin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad. 2006. *Pengantar Pengurusan*. Utusan Publications & distributors Sdn.Bhd.
- Ab. Rahim Selamat, Kamarolzaman, Hazrimah dan Hazrita. 2012. *Sekolah Berprestasi Tinggi*. Penerbit UTHM.
- Abdul Fatah Hasan. 2007. *Mengenal Falsafah Pendidikan*. Utusan Publications & distributors Sdn.Bhd.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. ABIM.
- Auguste Comte. 1978. *Sosiologi Sastera Dalam Koleksi Teori Sastera Klasik, Tradisional, Moden, Pascamoden Dan Tempatan*. Pustaka Karya.
- Chew Fong Peng. 2006. Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. April 2016
- Daft. R.L. 1997. *Management*. 4 th ed. The Dryden Press.
- Jumali Hj Selamat. 2001. *Cerminan Sosial Bahan Sastera Dan Nilai Murni Dalam Novel-Novel Remaja*. Universiti Putra Malaysia.
- Lukmanulhakim, N. N. (2020). Kaedah Pembentukan Identiti Nasional dalam Universiti Awam di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 1-9.
<https://doi.org/10.37134/peradaban.vol15.1.2020>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 Dan 5*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mohd Izzat Izzuddin bin Jafri. (2020). Bahasa dan Pemikiran Shahnnon Ahmad dalam Pembinaan Jati Diri Melayu Melalui Kumpulan Cerpen: Tonil Purbawara. *International Journal of Islamic Philosophy & Sufism*. Volume 1, Issue 1 (2020).
- Rahim Abdullah. 1994. *Asas Pengurusan*. Utusan Publications & distributors Sdn.Bhd.
- Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2019). Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14, 35-48.
<https://doi.org/10.37134/peradaban.vol14.4.2019>
- Aniss Tanish & Norazimah Zakaria (2022) . Penerapan Elemen Pengurusan Dalam Pembelajaran Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 452-458.
<https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.36>
- Othman Puteh. 2000. *Pengajaran Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 1998. *Tanggapan terhadap kesusasteraan remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Jaafar. 1997. *Sastera dan Masyarakat Majmuk Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shahnnon Ahmad. 1991. *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Hasmah dan Nur Munirah. 2013. *Kecerdasan Pelbagai*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Mohamed. 1994. *Pengurusan Strategi*. Utusan Publications & distributors Sdn.Bhd.